



IMPIAN
ANAK
SYURGA

MS 5

SEMANGAT JANGAN PUDAR


Hidup perlu semangat! Ya. Kita akan layu tanpa semangat. Orang yang lemah semangat, mudah kalah. Mahu jadi pemandi mayat, mesti kuat semangat. Mahu jadi pemandu van jenazah, pun kena kuat semangat. Mahu kerja ‘jaga’ pun kena kuat semangat.

Samb. • ms/3 >>

KALAM PUJANGGA

Hanya orang takut yang bisa jadi berani, karena keberanian adalah melakukan sesuatu yang ditakuti. Maka bila merasa takut, anda akan punya kesempatan untuk bersikap berani.

Petikan kata-kata hikmah dari Prof. Dr. Hamka
Sumber: Buku Renungan Tasawuf



AZAM YANG TERENCAT
MS 4

Akademi Remaja Islam
Autisma (ARISMA)
MS 10

SOAL JAWAB
BERKAITAN MAQASID
SYARIAH
MS 16

PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR SEMPENA MAAL HIJRAH 1441H/2019M



NEGARA RAHMAH, UMMAH SEJAHTERA

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana kita telah masuk ke tahun baru hijrah iaitu tahun 1441H. Tema yang diketengahkan bagi tahun 1441H ini ialah Negara Rahmah, Ummah Sejahtera.

Tahun 1440H melabuhkan tirainya, hamparan 1441H kini menjelma. Bila mana masuk ke tahun baru, pastinya hijrah Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan dakwah agama Islam kepada kaum Ansar dan Muhajirin menjadi tumpuan. Banyak sifat-sifat positif yang boleh diteladani antaranya sifat persaudaraan, sifat perpaduan, bantu-membantu, pengorbanan, kesungguhan, ketaqwaan dan kasih sayang.

Begitulah, dalam mencapai negara rahmah beberapa perkara perlu diperkuuhkan diperingkat akar umbi lagi. Kepimpinan negara yang berkompeten dan berintegriti serta sistem tadbir urus yang baik dapat memastikan negara atau sesebuah pengurusan organisasi menjadi lebih baik.

Dengan kedatangan tahun baru hijrah ini juga marilah sama-sama kita merapatkan saf dan berazam agar tahun ini lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya. Tingkatkan usaha keamanan dan kesejahteraan sejagat pada tahun hijrah ini supaya kesatuan ummah itu dapat diperkuuhkan dalam membina Negara Rahmah, Ummah Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

*YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor*



EDISI

KETUA PENGARANG
Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG
Siti Zurinah binti Zainal
Abidin

PENOLONG PENGARANG
Muhammad Syafiq bin
Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamdi

JURUFOTO
Shahrul Effendy bin Md Saat

WARTAWAN
Halim bin Mokhtar
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

KOLUMNIS
Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Hamizul bin Abdul Hamid

SEMANGAT JANGAN PUDAR

<< Samb. • ms/1

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS

Mahu jadi guru sekolah, kena kuat semangat. Mesti kuat berhadapan dengan karenah pelajar dan ibu bapa. Apa lagi mahu jadi pakar bedah, mesti kuat semangat. Jika melihat darah sudah pening, hentikanlah. Hatta tok mudim tukang sunat pun, mesti kuat semangat. Jika tidak, lebih baik kerja tukang masak.

Sayangnya, semangat itu tidak selalu kuat. Tidak selalu menegak. Ada masanya, ia melintang. Ada masanya, lebih parah. Menurun. Menjunam pun ada. Bila berhadapan dengan semangat yang menjunam, maka orang itu akan kelihatan layu dan kuyu. Riak wajahnya penuh 'kepoyoan'. Tiada aura positif. Bicaranya lirih. Hampa. Dengusan kecewa. Keluhan berpanjangan.

Inilah antara frasa yang biasa keluar tanpa sedar. Lebih parah, jika sampai menyalahkan Tuhan. Putus asa, terjun jambatan. Semuanya adalah manifestasi semangat diri yang menjunam. Akuilah. Semangat kita ibarat roda. Tidak sentiasa di atas. Bergulir setiap waktu. Maka, perlu ada persiapan. Biar semangat kita tidak pudar. Terus membara. Membakar. Menyala. Menghangatkan.

Hakikatnya, semangat kita sangat dipengaruhi oleh iman. Iman hakikatnya, boleh naik dan boleh menurun. Jika begitu, jagalah. Jangan sampai iman menurun. Jika iman menurun, semangat pun menurun. Kemudian diri

jadi lintang pukang. Ambil jalan mudah, salahkan Allah SWT. Menyesali takdir kehidupan. Bertindak bodoh. Membinasakan diri sendiri. **Edisi**

KETAHUILAH, APAKAH PUNCA MERUDUMKAN IMAN KITA?

- 1** Orang yang suka melakukan dosa, membuka aurat misalnya. Maka imannya akan menjunam
- 2** Orang yang melalaikan ibadah wajib, solat di penghujung waktu, menjunamlah imannya
- 3** Orang yang suka berkata dusta, janji palsu, berkata kotor dan lucuah, akan menjunamkan imannya
- 4** Orang yang kurang rasa malu, imannya pun menjunam

TIPS UNTUK MENINGKATKAN IMAN

- 1** Perbanyakkan amal soleh kerana ia mendekatkan diri kepada Allah SWT
- 2** Perbanyakkan zikrullah, kerana hati yang tenang itu selalu ingat kepada-Nya
- 3** Jauhi maksiat dan dosa, kerana dosa mencabut ketenangan jiwa
- 4** Bergaullah dengan orang-orang soleh, kerana ia mendorong kita untuk menjadi baik
- 5** Lazimilah majlis ilmu, kerana ia warisan nabi untuk membina keimanan



AZAM YANG TERENCAT

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS



“Jangan takut jatuh, karena yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Jangan takut gagal, karena yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, karena dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua,” – Buya Hamka.

ini adalah petikan bijaksana daripada Buya Hamka. Ia mengajar kita agar jangan takut untuk mencuba. Jangan khuatir berubah. Jangan gundah mengorak langkah. Orang yang tidak pernah mencuba, tidak akan sama sekali tahu apa kesannya. Mereka mungkin merasa selesa. Sedangkan keselesaan itu adalah mematikan.

‘Comfort zone’. Itulah istilah yang lebih tepat. Kekal selesa dengan ‘status quo’ lalu enggan mencuba sesuatu yang baharu. Jika manusia zaman dahulu cukup selesa dengan kereta lembu, maka hari ini tiada kereta yang mendesup laju di lebuh raya. Jika manusia zaman dahulu selesa dengan kapal laut ke Mekah, maka tiadalah pesawat terbang yang membawa kita hanya lapan jam ke sana.

Maksudnya, jadilah orang yang berani. Mencuba sesuatu yang baharu. Keluar dari ‘zon selesa’. Tidak mengapa terbuat salah. Kali pertama gagal, kita belajar darinya. Lalu kali kedua, kita menjadi lebih baik.

Sebagai orang Islam, kita mesti berubah tanpa kekal dalam zon selesa. Nabi Muhammad SAW setelah membuka Mekah dan menguasai Madinah, melebarkan Islam ke pelbagai

wilayah. Wafatnya nabi, diikuti oleh para khulafa’ ar-Rasyidin. Islam tersebar. Bukan dengan ‘zon selesa’. Tetapi dengan kepahaman. Ketekunan para sahabat. Pengorbanan tanpa jemu. Penuh liku.

Apabila ‘zon selesa’ mengambil tempat, kita akan berhenti dari berfikir. Ia permulaan kerosakan. Sebab itu ada pendapat menyatakan, orang yang berhenti berfikir maka otaknya menjadi tumpul. Dia mula mengalami krisis memori. Menjadi pelupa. Sakit-sakitan mula hinggap di tubuhnya. Lalu dia akan berasa hidupnya tidak lagi bersemangat.

Maka, jangan kita matikan azam dengan ‘zon selesa’. ‘Zon selesa’ itulah yang merencatkan azam. Orang yang berjaya, kerana mereka sentiasa mengejar azam. Seorang yang berlari merentas desa, maka selagi belum sampai ke garisan, dia akan terus berlari. Demikianlah kita. Garisan penamat azam kita, ialah kematian. Sebelum kematian menjelma, tiada namanya tamat dalam mengejar azam.

Azam kita yang paling besar, mati sebagai mukmin. Azam kita yang besar juga, mati dalam keadaan meninggalkan kebaikan yang banyak. Para ulama, meninggalkan pelbagai kitab rujukan. Para peneraju inovasi, meninggalkan banyak karya dan ciptaan.

Maka, mereka mati dalam keadaan pahala yang terus mengalir. Menjadi jariah berpanjangan. Itulah cita-cita. Itulah azam kita. Tiada tarikh tamatnya. Tiada noktahnya. Melainkan setelah kita meraih syurga. Wallahu’lam. **Edisi**

IMPIAN ANAK SYURGA

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Impian adalah merupakan satu cita-cita. Bagi mencapai cita-cita yang diimpikan perlukan banyak pengorbanan dan kesungguhan untuk mencapainya. Begitu juga dengan anak-anak syurga ini. Anak-anak syurga yang dimaksudkan ialah anak autisme.

Bila melihat wajah anak-anak ini, pasti kita akan tersentuh dengan keadaannya. Namun disebalik wajah ini tersemat cita-cita untuk menjadi manusia biasa. Boleh berjalan, bertutur, beraksi dan bertindak seperti manusia biasa.

Apakah kita sebagai manusia yang normal ini mampu untuk mengubah nasib anak-anak syurga ini? Sudah tentunya tidak melainkan kuasa PenciptaNya sahaja yang boleh melakukan dan merancanakan kehidupan anak istimewa ini. Namun kita boleh mendorong anak-anak ini ke arah kebaikan yang boleh dilakukan di atas muka bumi yang bertuah ini.

Tidak siapa tahu impian anak-anak syurga ini. Namun setiap tingkah laku anak-anak ini sedikit sebanyak dapat membuatkan kita berfikir sejenak apakah yang anak-anak ini mahukan. Bukanlah intan dan permata yang diinginkan tetapi kasih sayang serta perhatian yang penuh memadai untuk memastikan anak-anak ini dapat apa yang diimpikan.

Keprihatinan sangat penting untuk anak-anak ini untuk berperilaku sebagai manusia normal. Ada yang cenderong untuk membaca, ada yang ke arah menyanyi dan ada yang boleh bermain sesuatu aktiviti sukan. Bimbinglah. Pimpinlah. Bantulah agar anak-anak syurga ini mencapai apa yang diimpikan. InshaAllah. **Edisi**



HUKUM PERLAKSANAAN WASIAH WAJIBAH (PINDAAN)

Susunan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS*

Sumber: <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/2017-terkini/798-hukum-perlaksanaan-wasiat-wajibah-pindaan>

Fatwa Hukum Perlaksanaan Wasiat Wajibah [Sel.PU.5/2011] yang diwartakan pada 6 Januari 2011 dipinda dengan menggantikan perenggan (vii) dengan perenggan yang berikut:

“(viii) Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu lelaki dan perempuan yang berhak adalah berdasarkan kepada hukum faraid iaitu mengikut nisbah yang telah ditentukan oleh Syarak”.

Rujuk Fatwa Hukum Perlaksanaan Wasiat Wajibah [Sel.PU. 5/2011]:



Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 1

6hb Januari 2011

TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN

Sel.P.U. 5.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subsesyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [En. 1/2003], the Fatwa Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the Fatwa as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM PELAKSANAAN WASIAH WAJIBAH



Pelaksanaan wasiat wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- (i) Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah.
- (ii) Hendaklah kedua ibu dan bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada atuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan atuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
- (iii) Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardhu atau ta'sib maka mereka tidak layak untuk mendapat wasiat wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah.
- (iv) Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak mendapat wasiat wajibah daripada harta pusaka datuknya.
- (v) Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucunya melalui hibah, wakaf dan sebagainya dengan kadar yang sepautnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat wasiat wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang hak yang sepautnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.
- (vi) Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3, maka hendaklah dikurangkan pada kadar 1/3 melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli warisnya yang lain.
- (vii) Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan mayat, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang piutang.
- (viii) Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang anak lelaki menerima bahagian-bahagian orang perempuan.

Bertarikh 24 Disember 2010

Dated 24 December 2010
[MAIS/SU/BUU/02/016/4-1; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor

MA'AL HIJRAH: SEJAUH MANA PENGHAYATAN KITA?

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Agak ganjil jika terdapat umat Islam di Malaysia melupakan sambutan awal Muharam. Ini adalah kerana, selain tarikh sambutannya digazetkan sebagai cuti umum, umat Islam diseluruh pelusuk negara menyambutnya dengan pelbagai acara tradisi. Antara acara yang sering dilakukan ialah perarakan beramai-ramai, ceramah umum dan pelbagai aktiviti lagi. Namun, persoalan yang seharusnya direnungkan bersama oleh semua umat Islam ialah sejauh manakah penghayatan umat Islam terhadap peristiwa agung yang sering dikaitkan dengan awal Muharam iaitu hijrah nabi dan para sahabat baginda dari Mekah ke Madinah? Para sahabat yang bersama-sama dengan nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam sanggup berkorban harta bahkan menggadaikan nyawa demi mempertahankan akidah yang mulai mekar dan subur dalam jiwa mereka. Persoalan yang sewajarnya diutarakan kepada setiap kita ialah sejauh manakah pengorbanan kita?

Adakah sekadar menunaikan rutin asas yang dilakukan setiap hari; kerja, menghantar anak ke sekolah, menunaikan solat Jumaat seminggu di masjid melayakkan kita untuk dinobatkan sebagai umat Islam yang benar-benar memahami dan menghayati persitiwa hijrah yang agung ini? Sekurang-kurangnya umat Islam wajib menghargai nikmat sebuah akidah murni yang dikecapi hasil pengorbanan dan penat lelah generasi terdahulu dengan tindakan dan perlakuan, bukan hanya slogan dan ungkapan lisan. Umat wajib bersikap peka dan prihatin dengan isu-isu persekitaran yang semakin berpotensi menghakis akidah dan akhlak.

Kebelakangan ini, isu-isu ancaman akidah dilihat begitu ganas menyelinap masuk dalam pemikiran masyarakat, terutamanya dalam kotak minda generasi muda dan remaja. Natijahnya, tidak sedikit anak-anak muda dan para remaja terpengaruh dengan corak pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam, seperti ideologi Islam Liberal. Slogan 'keterbukaan' dan 'kebebasan' berfikir dilihat begitu lunak dan menepati citarasa remaja dan anak muda yang pada hakikatnya adalah racun berbisa yang melumpuhkan antibodi iman dalam diri seterusnya menjerumuskan mereka dalam kancang dosa dan maksiat.

Justeru, tidak menghairankan apabila saban hari media-media menghidangkan laporan kebobrokan akhlak generasi muda dengan pelbagai bentuk jenayah yang begitu menggerunkan. Umpamanya akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Mac melaporkan statistik dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang menyatakan bahawa terdapat kira-kira 18,465 remaja perempuan yang didapati hamil luar nikah sejak tahun 2014 hingga 2018. Ini bermakna,

setiap hari purata remaja perempuan yang mengandung anak tidak sah taraf ini adalah seramai 10 orang. Sudah pastinya angka ini sangat membimbangkan. Tidak mustahil, akan tiba suatu masa para guru di sekolah kebingungan apabila pelajar-pelajar dalam kelasnya kebanyakkan berbinkan dengan nama ayah yang sama iaitu 'bin Abdullah'. Suka atau tidak, keadaan semasa yang berlaku pada hari ini membawa kita kepada situasi itu, jika tiada tindakan proaktif dan konsisten dari setiap muslim.


Manakala pada 8 Februari 2019, akhbar yang sama juga melaporkan bahawa Ketua Polis Negara pada waktu itu, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun menerangkan isu pembabitan pelajar dalam aktiviti jual beli dadah, salah laku seks, membunuh, menyertai kumpulan kongsi gelap dan militan antara jenayah pernah dicatatkan dalam jurnal juvana. Sekolah yang sepatutnya menjadi tempat paling selamat bertukar kepada zon perlakuan jenayah dan perlakuan maksiat. Adakah umat Islam masih boleh tidur lena apabila membaca statistik sebegini? Adakah kita hanya akan tersedar betapa seriusnya gejala ini apabila salah seorang anggota keluarga kita yang terlibat?

Ibu dan bapa tidak seharusnya bersikap selesa berpeluk tubuh dengan membiarkan tugas mendidik generasi muda hanya terbeban di bahu para guru dan pendidik. Sebaliknya tugas mendidik, mentarbiyah dan mengawasi anak-anak hendaklah dijadikan tugas rutin seorang ibu dan bapa. Hendaklah kita sedar bahawa generasi muda, terutamanya zuriat keturunan adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan oleh Allah pada hari akhirat. Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam pernah bersabda: "Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang dibawah pimpinannya."

Oleh yang demikian, bersempena kedatangan bulan Muharam yang menjadi simbol kepada kekuatan generasi terpilih para sahabat, kekuatan dan semangat yang sama juga seharusnya dicetuskan dalam diri setiap muslim.

Ayuhlah berhijrah dari sifat tidak peduli dan tuli kepada kesedaran dan sifat prihatin, korbankan kesenangan dan kemalasan demi generasi masa depan, suburkan budaya Amar Makruf dan Nahi Mungkar, hidupkan amalan tegur menegur ke arah kebaikan, demi mencari redha Tuhan.

"Hijrah itu pengorbanan!". **Edisi**



NOTA BUAT HATI

Oleh: Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin KUIS

Hati manusia memang magik. Berbagai dimensi akan berlaku dalam masa yang sama. Selalu berbolak balik dan berubah-berubah. Anugerah Allah yang Maha Ar Rahim yang menjadikan hati boleh berubah mengikut masa dan peristiwa. Hati seumpama cermin yang memantulkan imej manusia. Nilai baik atau buruk cerminan akhlak manusia.

Sabda oleh Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya, tetapi seandainya daging itu rosak dan kotor, maka kotorlah seluruh anggota badannya. Daging yang dimaksudkan itu ialah hati”. (Riwayat Imam al-Bukhari).

Hati yang ujub ialah perasaan kagum terhadap diri sendiri. Berasa diri terlalu baik dan hebat berbanding orang lain. Sentiasa merujuk kepada kehebatan diri dalam melakukan sesuatu perkara dan mempunyai sifat keakuan yang melebihi batas. Menjadi pemerhati dengan tujuan untuk menilai, menghukum dan membuat perbandingan antara amalan orang lain dengan diri sendiri. Orang ujub akan memandang dirinya dengan pandangan penuh kemuliaan dan kebesaran.

Hati yang Hasad Dengki sejenis penyakit hati dalam kategori orang yang tidak suka dengan kebahagiaan orang lain dan lebih parah lagi akan mendoakan agar kebahagiaan hilang dari orang tersebut. Hati yang dengki iaitu tidak boleh melihat orang lain lebih daripadanya, sentiasa hendak bersaing, tidak bersyukur dan sentiasa tidak berpuas hati dengan apa yang dimiliki, tetapi sibuk mempersoalkan milik orang lain.

Hati yang kedekut adalah salah satu penyakit hati dimana seseorang yang tidak mahu berkongsi atau memberikan sedikit hartanya. Merasakan semua harta yang dimiliki adalah milik hakiki hasil usaha sendiri.



Hati yang berpenyakit pernah dijelaskan oleh Imam Ghazali bagaimana cara seseorang itu mengetahui dirinya mengalami penyakit hati, iaitu apabila melihat sesuatu kebaikan yang diperolehi oleh orang lain, apakah hati akan gembira atau sebaliknya. Hati yang sihat akan gembira apabila melihat orang lain dikurniakan nikmat dan kebaikan tetapi hati yang sakit akan merasa sebaliknya, jika ia berlaku maka hati sudah berpenyakit dan perlukan rawatan segera.

Hati yang berpenyakit selalu menyerang manusia. Nota buat hati kali ini akan menumpukan 5 penyakit hati iaitu:

1

2

3

4

5

Hati yang sombang iaitu menolak kebenaran dan meremehkan orang lain. Menganggap diri paling benar, paling bijak, paling hebat yang lain semua salah. Merasakan segala kejayaan adalah kerana kehebatan sendiri hingga melupakan kuasa dan izin Allah SWT. Berani melakukan dosa dan meninggalkan suruhan-Nya. Perilaku ini tidak disukai Allah SWT.

Hati yang Bersangka buruk. Sentiasa sibuk dengan keburukan orang lain sehingga lupa diri sendiri dan berfikiran negatif. Satu tabiat yang semakin subur dengan kepesatan teknologi siber yang menyuburkan akhlak buruk manusia.

Nota buat hati membuat kesimpulan bahawa perihal pentingnya menjaga hati daripada terpesong, mengawal pandangan melalui mata, pendengaran di telinga, fikiran melalui minda, mengucapkan kalimah dari mulut dan lidah, dan dijelmakan melalui perilaku. Dampingi hati bersama Allah, melazimi membaca Al Quran, Zikrullah dan Solat agar terhindar dari segala kemurkaan Allah. Hati-hati dengan hati. **Edisi**

JJ lwn WBWD & 6 yang lain

PERMOHONAN TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN

Susunan oleh: Siti Zurinah Binti Zainal Abidin (zurinah@mais.gov.my)

Pengurus Kesetiausahaan, MAIS

Sumber: www.jakess.gov.my

RINGKASAN KES

Plaintif dan Allayarham WDSA telah bernikah pada 04.05.1993 dan sepanjang tempoh perkahwinan, mereka telah dikurniakan dua seorang cahaya mata iaitu Defendan 1. Allayarham telah meninggal dunia pada 21.09.2014 di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana Advanced Nasopharyngeal Cancer With Liver Metastasis. Sebelum bernikah dengan Plaintiff, allayarham telah bernikah terlebih dahulu dengan isteri lain dan hasil perkahwinan tersebut telah dikurniakan enam (6) orang anak iaitu Defendan 2 hingga Defendan 7 di dalam kes ini.

Plaintif mendakwa sepanjang tempoh perkahwinan dengan Allayarham, mereka telah memperolehi tujuh (7) bidang tanah.

Kesemua harta tanah yang dituntut oleh Plaintiff tersebut telah didaftarkan di dalam dokumen hakmilik di atas nama si mati sahaja. Plaintiff mengaku tidak memberikan sumbangan langsung di dalam pemerolehan harta tanah tersebut dan hanya memberikan sumbangan tidak langsung sahaja ke atas pemerolehan kesemua harta tanah tersebut.

KEPUTUSAN

KES ini diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarienya dan kehadiran Defendan 2 bersama Peguam Syarienya. **SETELAH MENELITI** semua kertas kausa, keterangan dan hujahan, **MAKA ADALAH DIHAKIMKAN** seperti berikut:

- 1) Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan Seksyen 122 Enakmen UndangUndang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- 2) Mahkamah memerintahkan 7 tanah tersebut diisyiharkan sebagai harta sepencarian bersama di antara Plaintiff dan Allayarham WDSA (No. Daftar Sijil Kematian: XXXXXX).
- 3) Mahkamah memerintahkan kesemua harta tanah tersebut hendaklah dibahagikan di antara Plaintiff dan Allayarham WDSA (No. Daftar Sijil Kematian: XXXXXX) dengan kadar 30% hendaklah diberikan kepada Plaintiff manakala 70% hendaklah diberikan hendaklah difaraidkan kepada kesemua ahli waris Allahyarham WDSA (No. Daftar Sijil Kematian:XXXXXX) yang berhak.

Edisi

Ulasan Kes JJ lwn WBWD & 6 yang lain (Permohonan Tuntutan Harta Sepencarian)

Permohonan tuntutan harta sepencarian ke Mahkamah Syariah boleh dipohon kerana termaktub di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui peruntukan seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Suami atau isteri boleh memfailkan permohonan ini berdasarkan takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan langsung adalah seperti menyumbangkan wang semasa pemerolehan harta tersebut. Sumbangan tidak langsung adalah seperti menjaga kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga serta keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu.

Menurut seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Mahkamah akan melihat sama ada harta tanah tersebut telah diperolehi semasa tempoh perkahwinan dan takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.





AKADEMI REMAJA ISLAM AUTISMA

Akademi Remaja Islam Autisme (ARISMA)

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Sumber: <http://www.arisma.org.my>

Arisma (Akademi Remaja Islam Autisme) merupakan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor.


Arisma terletak di Ukay Perdana, Ampang, Kuala Lumpur. Arisma adalah sebuah badan NGO yang komited dalam membantu remaja austisme untuk memperkasakan kehidupan mereka seperti insan-insan yang lain disamping memberi sokongan, bimbingan dan pendedahan kepada keluarga mereka.

Arisma yang ditubuhkan pada 2013, kini mempunyai lebih 20 kanak-kanak remaja istimewa berumur diantara 13-18 tahun yang mendapat latihan kendiri serta kemahiran sosial seperti menjahit, membuat kek, berkebun, menjaga kaunter dan sebagainya.



Membuat kek coklat dan roti untuk jualan

Mengaji al-Quran dan hafazan bagi yang berkemampuan



Objektif penubuhan Arisma adalah:

1. Menyediakan Bengkel Terlindung “Sheltered Workshop” untuk remaja Autisme yang tidak berkemampuan untuk bekerja di luar;
2. Mengendalikan program “center-to-workplace” yang bertujuan untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian untuk remaja Autisme;
3. Melatih bakal majikan dan rakan sekkerja yang terlibat dengan program;
4. Menyediakan remaja Autisme dengan kemahiran vokasional; bercucuk tanam, menternak binatang, membuat roti dan pastri, kerja-kerja katering, kerja-kerja dobi, kerja-kerja pengendalian kaunter;
5. Memperkasakan remaja Autisme dengan kemahiran kendiri; kemahiran mengurus diri, kemahiran berinteraksi dengan persekitaran sekeliling, dan kemahiran sosial berteraskan Islam;
6. Menyediakan ruang dan peluang kepada remaja Autisme untuk menjalani latihan kemahiran vokasional dan mendapat khidmat nasihat daripada kakitangan yang benar-benar mempunyai kepakaran dalam bidang pemulihian OKU;
7. Menjadi pusat penyelidikan untuk program latihan remaja Autisme melalui kerjasama tenaga akademik Permata Kurnia;
8. Menghasilkan modul kemahiran kendiri dan kemahiran vokasional untuk memenuhi keperluan remaja Autisme; dan
9. Menjadi projek rintis yang dapat meningkatkan kesedaran, sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat umum tentang keperluan Latihan vokasional untuk remaja Autisme. **Edisi**



Pelatih-pelatih dibawa untuk membeli barang dapur (groceries shopping) seminggu sekali



Pelatih-pelatih diajar bercucuk tanam secara hidroponik

Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Kunjungan Kolej Profesional Baitulmal ke MAIS

SHAH ALAM 8 April 2019 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan daripada Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur (KPBKL) diketuai oleh Encik Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Ketua Jabatan Perancangan Strategik dan Pemasaran KPBKL bertujuan memberi penerangan program pengajian yang ditawarkan oleh KPBKL untuk anak-anak asnaf di negeri Selangor di samping mempromosikan KPBKL kepada MAIS. [Edisi](#)

MAIS Terima Kunjungan Kedutaan Palestin dan Yayasan MyAQSA

SHAH ALAM 10 Mei 2019 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Kedutaan Palestin dan Yayasan MyAQSA bertujuan untuk membincangkan saluran sumbangan yang boleh diserahkan untuk kebajikan dan bantuan perubatan kepada rakyat Palestin. Lawatan ini disertai seramai empat orang pegawai diketuai oleh TYT Walid Abu Ali, Duta Palestin ke Malaysia dan Encik Suwardi bin Yaacob, Pengurus Yayasan MyAQSA.

Perbincangan dipengerusikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Pengurus MAIS. [Edisi](#)



PETALING JAYA 24 Mei 2019 – Setinggi penghargaan terima kasih kepada FA Selangor, Sunway Group and Selangor Youth Community - SAY Community mengukir senyuman kepada anak-anak yatim dibawah seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan.

Menjunjung Kasih Raja Muda Selangor - RMS berkenan mencemar duli. Ampun Tuanku. [Edisi](#)

Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



MAIS Lihat Rumah Pemulihan dan Perlindungan Sekitar Selangor

SHAH ALAM 25 April 2019 – Dalam usaha menjaga kebajikan rumah pemulihan dan perlindungan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) diketuai oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Anggota MAIS merangkap Pengurus Jawatankuasa Riqab telah mengadakan lawatan ke beberapa rumah pemulihan dan perlindungan persendirian sekitar Negeri Selangor.

Lawatan selama sehari itu bertujuan mengenal pasti permasalahan dan bantuan yang perlu diberikan oleh MAIS kepada rumah-rumah tersebut di samping mengadakan perbincangan untuk menambah baik pengurusan dan penjagaan penghuni di masa akan datang. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Seminar Isu dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah

SHAH ALAM, 21 April 2019 – YA Puan Noor Huda bt Roslan, Ketua Pendaftar JAKESS telah menyampaikan ceramah sempena Seminar Isu dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah yang diadakan di Dewan Orkid, Wisma PKPS. YAA Dato' Dr Hj Mohd Na'im bin Hj Mokhtar, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM juga turut hadir pada seminar tersebut. [Edisi](#)



Bengkel Pemantapan dan Pengukuhan Fasilitator (Modul Taharah dan Solat)

SHAH ALAM, 17 Mei, 21 Mac, dan 29 Mac 2019 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor melalui Unit Pematuhan Syariah telah mengadakan Bengkel Pemantapan dan Pengukuhan Fasilitator (Modul Taharah dan Solat) secara bersiri melibatkan 34 orang peserta bengkel bertempat di Dewan Muktamar dan Bilik Mesyuarat Utama Aras 4. Penceramah bebas yang dijemput bagi membincangkan Modul Taharah ialah Ustaz Ahmad Sabiq Bin Abdul Rahman manakala Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muhamar telah dijemput bagi membincangkan Modul Solat, menggunakan Modul Latihan Pendidikan Islam yang dilancarkan baru-baru ini.

Penganjuran bengkel ini bertujuan bagi mempersiapkan ilmu teori dan praktikal para fasilitator Program Asas Fardhu Ain untuk membimbing semua kakitangan

jabatan ini dalam program satu hari Latihan Pendidikan Islam Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang dijadualkan pada Jun ini. [Edisi](#)



Kunjungan Hormat YAA Ketua Hakim Syarie JAKESS ke Pejabat Ketua Polis Negeri Selangor

SHAH ALAM, 24 Jun 2019 – Kunjung Hormat YAA Ketua Hakim Syarie ke Pejabat Ketua Polis Negeri Selangor. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah bilangan anggota polis di Mahkamah Syariah Selangor, pelaksanaan waran tangkap, kerjasama PDRM dalam proses pelaksanaan perintah serta kes-kes yang melibatkan anggota polis di Mahkamah Syariah Selangor. Turut hadir Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pendaftar dan Timbalan Pendaftar. [Edisi](#)

Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Zakat Didik Dekati Pelajar & Guru SAMBEST

SUBANG JAYA, 17 April 2019 – Program Zakat Didik anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) berjaya menarik minat lebih 500 orang pelajar dan guru-guru Sekolah Agama Menengah Bestari Subang Jaya yang diadakan baru-baru ini.

Program berbentuk santai ini turut mendapat kerjasama pihak Sambest dan IPD Subang Jaya.

Ia dimulakan dengan taklimat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) disampaikan oleh Tuan ASP Nazri Harun dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Subang Jaya yang memberikan penekanan isu pencegahan jenayah dalam pelajar.

Slot kedua pula disampaikan oleh wakil LZS, Ustaz Masrol Mohd Rasid yang memberi penekanan terhadap keperluan membayar zakat dalam menyeimbangi keperluan sosioekonomi ummah dan keberkatan harta. Ia telah menarik sejumlah 53 orang pengeluar zakat menyertai Skim Potongan Gaji (Skim Berkat).

Para pelajar juga diberi kefahaman berzakat melalui simulasi sedekah dan ianya sangat praktikal serta mudah untuk dilaksanakan. Penampilan khas pelawak terkenal Saiful Apek turut mencuit hati pelajar dan guru-guru yang berkongsi pengalaman hidup beliau berkaitan keberkatan.

Turut diraikan majlis hari lahir bagi pelajar yang lahir pada bulan April untuk mewujudkan suasana seronok dalam penyampaian dakwah diselang seli dengan soalan kuiz dalam memantapkan lagi kefahaman zakat dalam kalangan para pelajar. [Edisi](#)

Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)



KUIS Diintai Pelajar, Tawar Bidang Ikon Pekerjaan

BANGI, 15 & 16 Jun 2019 – Telah berlangsungnya Hari Pendaftaran Sesi 1 Ambilan Pertama 2019 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pendaftaran melibatkan program pengajian dari peringkat Diploma sehingga Ijazah Doktor Falsafah dalam mod pengajian sepenuh dan separuh masa.

Seramai 968 pelajar dari seluruh Malaysia serta pelajar antarabangsa dari negara kejiranan seperti Indonesia, Brunei, dan Thailand telah datang mendaftar sebagai Mahasiswa KUIS.

Rata-rata ibu bapa dan pelajar menjadikan KUIS sebagai pilihan utama kerana program pengajian yang ditawarkan memenuhi permintaan pekerjaan masa kini serta pembelajaran dalam suasana yang biahsolahah.

KUIS menawarkan 69 program dari peringkat Matrikulasi sehingga Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang Pengajian Islam, Syariah dan Perundungan, Pengurusan, Industri Halal, Teknologi Maklumat, Pendidikan.

Bagi pelajar yang tidak berkesempatan untuk hadir mendaftar pada 15 & 16 Jun boleh hadir mendaftar pada Hari Pendaftaran Sesi 1 Ambilan 2 yang bakal berlangsung pada 29 Jun 2019 di Pusat Konvensyen KUIS. Pendaftaran secara walk-in masih diterima sehingga 5 Julai 2019. Mulakan masa depan anda di KUIS dengan hanya 3 kredit. [Edisi](#)



SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KETUJUH BELAS)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن منشى ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU.

(UA) VOKAL BERGANDING

Pada minggu ini, kita lihat pula tatacara penulisan jawi vokal berganding “ua”. Vokal berganding “ua” ialah dua huruf yang berturutan vokal “ua” dalam satu perkataan dan disebut dengan dua suku kata. Kaedah mengeja vokal berganding “ua” dalam tulisan jawi ialah dieja mengikut padanan huruf rumi-jawi.

Contoh vokal berganding “ua” ialah:

RUMI	JAWI	RUMI	JAWI
buah	بواه	nuang	نواڠ
buang	بواڠ	puak	فواق
buas	بواس	puan	فوان
bual	بوال	peluang	فلواڠ
beruang	برواڠ	puaka	فواک
cuak	چواق	puas	فواس
jual	جوال	puasa	فواسا
juang	جواڠ	ruas	رواس
kuah	كواه	ruang	رواع
kuak	كواق	ruai	رواي
keluar	كلوار	suai	سواي
keluang	كلواڠ	suasa	سواس
luah	لواه	suasana	سواسان
luas	لواس	suara	سوارا
luang	لواع	suatu	سواتو
luar	لوار	tuang	تواڠ
luap	لواڤ	tuam	توم
lengkuas	لغکواس	tuan	تون

“KUKUHKAN PERPADUAN, ELAKKAN PERPECAHAN”

Susunan Oleh: **Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS**
Sumber: **Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**

اکام إسلام اداله اکام الله، اکام يع
کوات لاکی سجهترا۔

اومنت إسلام يع بر فکح تکوه دعن عقیدة
إسلام دان سو غکوه ۲۰ مماتو هي اجرن،
نسچای اکن منجادی اومنت
يع بر ساتو ڦادو، کوات دان هیبت.

او مت إسلام هندقله ميقيني بهوا کو اجيچن
هيدوق بر ساتو قادو اداله ڦرينه الله دان
او مت إسلام هندقله مغينصافي بهوا

فرقچهن اومن اداله بر تتنعنه دعن فرینته
الله يع اكن مروگيكن اومن إسلام
سنديرى .

اوست إسلام هندقله مملیهارا فرقداوان يع
اکن منجامین کلغسوڭن اوست إسلام د
نگارا اين .

اوست إسلام هندقه ممیر هنتیکن سرتا مرتا
عمالان بوروق دان صفة ترکوتوق
سفرتی دشکی، دندم، خیانت، ممفتنه دان
م یغ مپیبک منچرچا سسام مسل
کهنچورن ترهادق امة.

Agama Islam adalah agama Allah, agama yang kuat lagi sejahtera.

Umat Islam yang berpegang teguh dengan akidah Islam dan sungguh-sungguh mematuhi ajarannya, nescaya akan menjadi umat yang bersatu padu, kuat dan hebat.

Umat Islam hendaklah meyakini bahwa kewajipan hidup bersatu padu adalah perintah Allah dan umat Islam hendaklah menginsafi bahwa perpecahan umat adalah bertentangan dengan perintah Allah yang akan merugikan umat Islam sendiri.

Umat Islam hendaklah memelihara perpaduan yang akan menjamin kelangsungan umat Islam di Negara ini.

Umat Islam hendaklah memberhentikan serta merta amalan buruk dan sifat terkutuk seperti dengki, dendam, khianat, memfitnah dan mencerca sesama muslim yang menyebabkan kehancuran terhadap ummah. **Edisi**

MAIS TURUT SERTA IKUTI PROGRAM LAWATAN USAHAWAN ASNAF

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengikuti Program lawatan Usahawan Asnaf Bagi Penerima Bantuan Modal Perniagaan daripada Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) iaitu salah satu anak syarikat MAIS.

Program lawatan bertujuan mengenalpasti usahawan-usahawan asnaf yang layak untuk menerima bantuan perniagaan di sekitar Daerah Kuala Langat dan Sepang di samping menjalankan pemantauan kepada asnaf yang telah menerima bantuan modal perniagaan daripada TERAS.

Selain itu, melalui program yang diadakan ini adalah sebagai titik tolak kepada usahawan asnaf untuk berjaya dalam hidup serta mampu berdikari dengan dunia perniagaan yang diceburi.

Program lawatan bermula dengan melawat usahawan kuih muih pelbagai gorengan yang dimiliki oleh Puan Normalasari binti Aripin, seorang asnaf ibu tunggal yang sebelum ini merupakan penerima bantuan kewangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan sehingga kini, Puan Normalasari mempunyai perniagaan sendiri dan mampu meraih pendapatan sekitar RM3000.00 serta merancang untuk memperbesarkan perniagaan dengan memohon bantuan perniagaan melalui TERAS.



Lawatan diteruskan dengan melawat Encik Hussein Bin Arief, seorang pengusaha ternakan itik dan beliau berhajat untuk mengembangkan operasi perniagaan dengan memohon bantuan perniagaan dan peralatan melalui TERAS.

Tumpuan lawatan ketiga pula ialah usahawan asnaf Encik Elias bin Ali, seorang penternak udang kara yang telah mendapat bantuan modal perniagaan daripada LZS. Sehingga kini, Encik Elias menjalankan perniagaan dengan membekal udang kara ke restoran makanan dan membekal benih udang kara kepada pemohon yang berminat untuk menjalankan perniagaan yang sama.

Program lawatan diteruskan dengan lawatan perniagaan pakaian bundle yang dimiliki oleh Puan Siti Hanum binti Ady Santahak, iaitu seorang usahawan asnaf yang kuat berusaha dan bercita-cita tinggi untuk berjaya dalam hidup. Perniagaan bundle yang dijalankan beroperasi melalui

tempahan online dan media sosial dan merancang untuk mendapatkan tapak dan bantuan perniagaan melalui TERAS.

Program berakhir dengan lawatan ke premis perniagaan restoran yang dimiliki oleh Puan Zarina binti Mat Atan, seorang pengusaha kedai makan yang telah mendapat bantuan perniagaan daripada TERAS. Puan Zarina menjalankan perniagaan makanan di Gerai Majlis Daerah Kuala Langat yang terletak di Pantai Kelanang, Banting Selangor.

Program yang diadakan selama satu hari ini diketuai oleh Puan Norraini binti Nordin, Pengarah Penyelidikan & Perancangan Strategik merangkap Pengerusi Mesyuarat Teknikal Bantuan Modal Perniagaan. Turut serta Pemangku Pengurus Besar TERAS, Pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pegawai TERAS dan Penolong Pengurus Komunikasi Korporat MAIS.

Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS) merupakan anak syarikat di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah beroperasi bermula pada tahun 2011 dengan menguruskan pembangunan usahawan asnaf dan latihan keusahawanan di samping menyediakan bantuan modal perniagaan serta peralatan kepada asnaf yang layak. **Edisi**



SOAL JAWAB BERKAITAN MAQASID SYARIAH

Oleh: Puan Noor Huda binti Roslan (noorhuda@esyariah.gov.my)
Ketua Pendaftar, Jakess

Telah diterbitkan dalam akhbar Sinar Harian pada 14 Disember 2018

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Maqasid Syariah?

Perkataan maqasid dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan *maqsad* yang diambil dari kata kerja (قصد) yang membawa maksud; pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan. Dengan lain perkataan, istilah ini merujuk kepada maksud 'objektif' yang membawa erti berdasarkan kenyataan atau fakta sebenar.

Manakala Syariah berasal daripada perkataan syara'a (شرع) yang bermaksud sumber air yang tidak pernah

putus dan terus mengalir, memulai sesuatu pekerjaan dan menjelaskan, menerangkan serta menunjukkan jalan. Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasul-Nya nabi Muhammad SAW.

Secara umum maqasid syariah seperti yang diterangkan oleh ulama usul fiqh ianya merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

2. Apakah pembahagian Maqasid Syariah?

Al-Daruriyat

Al-daruriyat merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia tertegak dengannya. Jika sekiranya ia tidak ada nescaya hidup manusia di dunia ini akan menghadapi kesukaran baik di dunia maupun akhirat.

Al-daruriyat yang asasi ini ada lima iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini dan hanya memeliharanya sahajalah maka segala urusan individu dan masyarakat akan berjalan dengan baik.

Al-Hajiyat

Al-hajiyat ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghilangkan kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya. Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana ketiadaan *al-daruriyat*, tetapi ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan mereka.

Al-Tahsiniyat

Al-tahsiniyat merupakan kepentingan yang menghendaki seseorang berpegang dengan akhlak-akhlak yang baik dan budi pekerti yang mulia. Ketiadaan *al-Tahsiniyat* tidaklah membawa kepada kesukaran hidup manusia sebagaimana ketiadaan *al-daruriyat* dan *al-hajiyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

3. Apakah implikasi jika tidak memahami Maqasid Syariah?

Implikasi tidak memahami Maqasid Syariah adalah seperti berikut:

- Akan berlaku kesalahan dalam mendahulukan maqasid yang sepatutnya dikemudiankan dan begitulah sebaliknya;
- Kesilapan dalam menentukan hukum, apabila menjadikan maqasid syariah sebagai sumber rujukan utama; dan
- Hilang kesempurnaan serta hikmah dalam syariat Islam. **Edisi**


SINOPSIS BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN TERPILIH PERPUSTAKAAN WAKAF MAIS

BAITUL MAQDIS : SEJARAH KEJATUHAN PALESTIN DAN KEWUJUDAN ISRAEL

CALL NO : 956.94 BAI

Baitul Maqdis, di mana terletaknya Masjid al-Aqsa dan Kubah Sakhrah, tempat permulaan Nabi Muhammad SAW Mi'raj untuk bertemu Allah SWT di Sidratul Muntaha sekarang berada di bawah penguasaan Yahudi. Penjajahan Zionis Israel ini menjadi batu penghalang kepada kemerdekaan dan kemajuan rakyat Palestin.

Buku ini juga adalah kompilasi 10 pembentangan kertas kerja dan kajian-kajian daripada IPT berkaitan sejarah dan kepentingan Baitul Maqdis ini. Semoga buku ini menjadi panduan dan sebagai medium dakwah kepada semua golongan masyarakat.




DAULAH UTHMANIYAH DAN ALAM MELAYU : DETIK KEJATUHAN KHILAFAH ISLAMIYAH DI TURKI DAN REAKSI ORANG MELAYU

CALL NO : 320.9561 DAU

Buku ini menerangkan berkaitan sistem pemerintahan Islam yang unggul dan menjadi pelindung umat Islam seluruh dunia. Namun sistem yang diwarisi sejak zaman Rasulullah S.A.W ini mula tergugat selepas 15 abad kewujudannya. Daulah Uthmaniah merupakan kuasa Islam terakhir melaksana dan mempertahankan sistem ini. Pada tahun 1924 disaksikan seluruh umat Islam, Mustafa Kamal Attartuk mengisyitiharkan bahawa sistem Khilafah Islamiyah dihapuskan pelaksanaannya dari bumi Turki.

Seluruh umat Islam merintih sedih di atas tindakan Mustafa Kamal Attartuk itu termasuk umat Islam di Tanah Melayu. Buku ini juga memaparkan episod terakhir Daulah Islamiyah di Turki sehingga membawa kejatuhan serta reaksi umat Islam di alam Melayu terhadap kejatuhan itu.




DETIK-DETIK SEJARAH HIDUP TUK KENALI

CALL NO : 922.97095 ABD

Ini adalah sebuah buku lengkap yang mengisahkan sejarah kehidupan Tuk Kenali dari kecil termasuk pendidikan awal dan pendidikan tinggi beliau di bumi suci Mekah selama 22 tahun. Ia juga ada mengisahkan pelbagai cerita tentang kehidupan susah dan senang menjadi pelajar dan seterusnya mengajar serta menubuhkan pondoknya sendiri di Kampung Paya. Secara keseluruhan, buku ini juga ada menceritakan tentang sikap peribadi Tuk Kenali, amalan-amalan, jawatan dan tugas, cahaya mata, murid-murid yang cemerlang dan suasana di hari kematian Tuk Kenali.

Secara ringkasnya, buku ini telah berjaya menyingkap kisah hidup secara keseluruhan Tuk Kenali dan dengan adanya buku ini diharap pembaca dapat menyemai sikap kasih dan kecintaan terhadap ulama.



DAULAH UTHMANIYAH DAN ALAM MELAYU : DETIK KEJATUHAN KHILAFAH ISLAMIYAH DI TURKI DAN REAKSI ORANG MELAYU

CALL NO : 320.9561 DAU


Buku ini menerangkan berkaitan sistem pemerintahan Islam yang unggul dan menjadi pelindung umat Islam seluruh dunia. Namun sistem yang diwarisi sejak zaman Rasulullah S.A.W ini mula tergugat selepas 15 abad kewujudannya. Daulah Uthmaniah merupakan kuasa Islam terakhir melaksana dan mempertahankan sistem ini. Pada tahun 1924 disaksikan seluruh umat Islam, Mustafa Kamal Attartuk mengisyitiharkan bahawa sistem Khilafah Islamiyah dihapuskan pelaksanaannya dari bumi Turki.

Seluruh umat Islam merintih sedih di atas tindakan Mustafa Kamal Attartuk itu termasuk umat Islam di Tanah Melayu. Buku ini juga memaparkan episod terakhir Daulah Islamiyah di Turki sehingga membawa kejatuhan serta reaksi umat Islam di alam Melayu terhadap kejatuhan itu.

BAITUL MAQDIS : KESUCIAN YANG DIPERTAHANKAN

CALL NO : 297.35569 BAI

Buku ini sarat dengan fakta sejarah dan maklumat berkaitan bangsa dan tamadun yang pernah berjuang bagi merebut bandar suci Baitul Maqdis ini. Ia juga menyingkap watak-watak yang pernah menjajah, menakluk, membuka dan mencatat kegemilangan Baitul Maqdis.



Buku ini juga memaparkan ilustrasi bergambar dan menerangkan setiap satu bahagian secara jelas di dalam bandar Baitul Maqdis ini terutama seluruh kawasan Masjid al-Aqsa. Diharap kelebihan dan keistimewaan Baitul Maqdis yang telah diceritakan ini dapat memupuk dan membangkitkan rasa kecintaan kita terhadap tanah suci ketiga umat Islam ini.

NOTA PENTING :

Untuk pertanyaan dan urusan pinjaman sila hubungi Encik Mohd Zharif, Eksekutif Perpustakaan Wakaf di talian 03-5510 8631 atau layari sendiri Katalog Online Perpustakaan Wakaf di <http://libmais.gov.my> untuk carian bahan yang lain.

JABIR BIN AFLAH

AHLI ASTRONOMI PEMBANGUN BALAI CERAP PERTAMA

Susunan oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)

Pengurus Penyelidikan, MAIS

Sumber: Ilmuwan Islam (2014)

Nama lengkapnya adalah Abu Muhammad Jabir bin Aflah. Ia sering dikaitkan dengan seorang lagi tokoh yang juga bernama Jabir, iaitu Jabir Ibnu Hayyan iaitu seorang ahli kimia abad ke-18 Masihi kerana kedua-duanya mempunyai nama latin yang sama iaitu Ceber. Jabir bin Aflah adalah seorang ahli astronomi berpengalaman pada abad pertengahan yang berasal dari Seville (*Isyilia*). Di Eropah beliaulah astronomi Muslim pertama yang membangun *observatory* Giralda yang terletak di kota kelahirannya. Jabir bin Aflah meninggal dunia pada tahun 1150 Masihi.

Karya astronomi yang ditinggalkan Jabir sehingga sekarang masih dapat dijumpai adalah *Kitab al-Haya'* (*The book of astronomy*, Buku tentang astronomi). Salinan buku ini terdapat di Berlin dengan judul *Ishlah al-Majisti* (*Correction of Almagest*, Pembetulan terhadap *Almagest*).

Di dalam buku tersebut, Jabir bin Aflah mengkritik beberapa pandangan dan pemikiran Ptolemaist, terutama ketika ia menegaskan bahawa planet-planet yang lebih dekat iaitu Mercury dan Venus tidak mempunyai parallel yang dapat dilihat manakala Jabir sendiri memberikan parallel sekitar 3° untuk matahari. Juga dinyatakan juga bahawa planet-planet ini lebih dekat dengan bumi berbanding jarak dengan matahari.



Buku tersebut merupakan catatan berharga dan amat bernilai bagi ilmu astronomi iaitu dengan wujudnya satu bab khusus tentang trigonometri. Pada bahagian trigonometri *sfera*, ia mengambil *rule of the Four Magnitudes* (Aturan Empat Besaran) sebagai landasan untuk turunan rukunnya serta memberikan rumus utama yang kelima untuk sudut segi tiga iaitu $\cos(A) = \cos(A)\sin(B)$. Dalam trigonometri bidang, ia menyelesaikan soal-soal yang ada dengan bantuan Chord (Penghubung antara dua buah titik dalam sebuah lingkaran) sebagai pengganti dari penggunaan fungsi-fungsi trigonometri; Sin dan Kosin. Karya Jabir ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Latin oleh Gerard dari Cremona yang kemudian diterbitkan oleh Fetrus Apianus pada tahun 1534 Masihi di Nuremberg.

Jabir bin Aflah pula orang yang menciptakan bola *armillary* untuk mengukur kedudukan benda-benda di langit serta mengan rang sebuah buku yang menunjukkan kesalahan *System Ptolemaist* dan mencuba memperbaikinya. Jadi tidak hairan jika nama Jabir bin Aflah tercatat dalam bidang astronomi dalam pada masanya. **Edisi**



RUANG KOMERSIAL UNTUK DISEWA

Lokasi

: Kompleks MAIS, Pusat Bandar Klang

Keluasan

: 92,812 kaki persegi (4 Tingkat)

Kemudahan

: 220 Tempat Letak Kereta, Lift , Eskalator

Lokasi Strategik

: Bank, Hotel & Dewan Perkahwinan

: Sekitar Pembangunan Jajaran LRT3

**KADAR
SEWAAN
BERPATUTAN**



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 55143400 ext 2187 Fax: 03 5518 9002

Hubungi Pegawai : 019 230 2040(Zare)/019 264 0631(Arzlan)

www.mais.gov.my

Majlis Agama Islam Selangor

mais_officialhq

MAISgovmy

JUGA TERDAPAT DI LOKASI:

- Wisma MAIS, Seksyen 3 Shah Alam
- Kompleks Amaniah, Gombak
- The Right Angle, Seksyen 14, Petaling Jaya
- Hillpark Avenue, Puncak Alam
- Puncak Bestari, Puncak Alam

WASIAH

DEFINISI WASIAH

Iqrar seseorang yang dibuat pada masa hayat ke atas hartanya untuk disempurnakan selepas kematiannya bagi maksud kebajikan yang dibenarkan menurut Hukum Syarak.

DALIL WASIAH

Firman Allah SWT yang bermaksud: "(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayar hutangnya."

(Surah Al-Nisa';11)

HAD WASIAH

Pewasiat digalakkan tidak mewasiatkan hartanya melebihi satu pertiga. Ia berdasarkan hadis daripada Saad bin Abi Waqqas r.a. katanya: Rasulullah SAW menziarahiku ketika aku sakit. Aku berkata: "Ya Rasulullah, aku ingin berwasiat dan aku mempunyai anak perempuan. Apakah boleh aku berwasiat dengan setengah?" Jawab baginda: "Setengah itu banyak." Aku bertanya: "Satu pertiga?" Jawab baginda: "Satu pertiga dan satu pertiga itu dibenarkan."

(Riwayat al-Bukhari)

Satu pertiga dikira setelah dijelaskan hutang yang berkaitan dengan si mati. Sekiranya pewasiat menanggung hutang yang banyak hingga kehabisan segala hartanya, maka wasiatnya tidak perlu dilaksanakan.

Kepada Siapa Wasiat Patut Diberikan

- Keluarga yang miskin
- Anak-anak yatim
- Anak angkat
- Anak susuan
- Rumah anak yatim
- Badan kebajikan
- Masjid dan surau

Fi Penulisan dan Penyimpanan Wasiat

- RM300

Fi Pindaan Wasiat

- RM50



Pelaksanaan Wasiat

Sebagai Wasi yang dilantik selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 5 (4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, MAIS akan melaksanakan pengurusan dan pembahagian wasiat dan harta pusaka dengan telus, adil dan profesional kepada benefisiari dan ahli waris.

Tanggungjawab MAIS sebagai Wasi

- Menjadi pemudah cara mengharmonikan benefisiari dan ahli waris;
- Mengenal pasti harta dan hutang si mati;
- Mendapatkan pengesahan wasiat di Mahkamah Tinggi Syariah;
- Mendapatkan Geran Probet di Mahkamah Tinggi Sivil;
- Melunaskan hutang pewasiat dengan Allah dan dengan manusia; dan
- Membahagikan harta kepada benefisiari yang telah ditentukan oleh pewasiat dalam Surat Wasiat Bertulis dan kepada ahli waris yang berhak mengikut Hukum Faraid.

FI PELAKSANAAN WASIAT

Nilai harta RM25,000 pertama

2%

0.5%

Nilai harta RM50,000 berikutnya

1.5%

0.25%

Nilai harta RM75,000 berikutnya

1%

Nilai harta RM100,000 berikutnya

Nilai harta RM200,000 berikutnya



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

MAIS TURUT SERTA IKUTI PROGRAM LAWATAN USAHAWAN ASNAF

LIHAT MUKA SURAT 15



P R E M I S KEDIAMAN & PEJABAT

UNTUK DISEWA

WISMA MAIS, SEKSYEN 3, SHAH ALAM
(Belakang McDonald's).



KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN :

Kawalan Keselamatan 24jam | ATM Bank Islam | Surau | Perpustakaan | Lift | Restoran | Lebih 200 Unit Parkir Disediakan | Lain - Lain Perkhidmatan.

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 10, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARIL EHSAN.



Tel : 03 - 55134 3400
samb. 2187



Fax : 03 - 5518 9002



www.mais.gov.my



ZARE : 019 - 230 2040

ARZLAN : 019 - 264 0631



www.mais.gov.my/hartanah

(UNTUK MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN SEWA)